SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN RASMI

MAKLUMAN WAKTU PENGUNDIAN DAN PENGUMUMAN KEPUTUSAN RASMI PILIHAN RAYA PBMy 2026

Sekretariat Parlimen Belia Malaysia (PBMy) ingin memaklumkan bahawa proses pengundian bagi Pilihan Raya PBMy 2026 akan dilaksanakan mengikut ketetapan berikut:

1. **TEMPOH PENGUNDIAN**
   Tarikh : 1 hingga 2 November 2026
   Masa Mula : 9.00 pagi (1 November 2026)
   Masa Tamat : 9.00 pagi (2 November 2026)
   Kaedah : Pengundian secara dalam talian (e-voting) melalui aplikasi ePBMy.

2. **PENGUMUMAN KEPUTUSAN RASMI**
   Tarikh : 2 November 2026 (Isnin)
   Masa : 12.30 tengah hari
   Platform Siaran : Saluran YouTube Rasmi Parlimen Malaysia

3. **PERINGATAN KEPADA PEMILIH**
   Bagi memastikan proses pengundian berjalan lancar, semua pemilih yang layak diingatkan supaya membuat persediaan awal seperti berikut:

i. Memastikan aplikasi PBMy telah dimuat turun pada telefon pintar masing-masing.
ii. Memastikan MyDigital ID telah didaftarkan, diaktifkan dan sedia digunakan bagi tujuan pengesahan identiti.
iii. Memastikan fungsi *push notification* (notifikasi aplikasi ePBMy) diaktifkan supaya tidak terlepas sebarang makluman penting berkaitan proses pengundian.

Sehubungan itu, semua pemilih yang layak diseru untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh pengundian yang ditetapkan. Semua pihak juga dijemput untuk mengikuti siaran langsung pengumuman keputusan rasmi tersebut.

Sekian, terima kasih.

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA
31 Oktober 2026